

SERONOKNYA TONTON TEATER

Archival News | Harian Metro | 10/03/2019 | Author: Oleh Hamizah Badiran | A-All

Kuala Lumpur: "Pengalaman kali pertama menyaksikan pementasan teater di Istana Budaya ini tidak akan saya lupa sampai bila-bila," kata pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya, Bangsar, Mohamed Faiz Siddik, 16.

Bagi Mohamed Faiz, peluang menonton Teater Bola The Musical Returns bersama 240 pelajar daripada enam sekolah terpilih cukup menggembirakan kerana pementasannya amat menghiburkan.

Katanya, dia tidak menyangka terpilih menjadi antara 35 pelajar daripada sekolahnya yang diberi kesempatan untuk menyaksikan persembahan itu.

"Saya mewakili seluruh rombongan dari SMK Bukit Bandaraya merakamkan jutaan penghargaan kepada TNB kerana sudi menaja tiket supaya kami dapat menonton persembahan penuh bermakna ini.

"Berlatarkan pelbagai budaya, kaum dan zaman, kisah ini memberikan inspirasi dan meningkatkan motivasi golongan muda seperti kami untuk terus bersemangat dalam mengejar cita-cita dalam apa saja bidang yang diminati," katanya.

Wajah gembira dan teruja jelas terpancar di wajah Mohamed Faiz dan rakan-rakan lain apabila diberi peluang menyaksikan teater itu di Istana Budaya menerusi tajaan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Program ini satu daripada usaha TNB dalam menyantuni kejurangan ibu pejabatnya yang terletak di Bangsar dengan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai teater dan dunia bola sepak tempatan serta meningkatkan semangat cintakan negara dalam diri mereka.

Enam sekolah yang dipilih SK Bangsar, SK Bukit Pantai, SK Bukit Bandaraya, SMK Bangsar, SMK Bukit Bandaraya dan SMK Seri Pantai.

Pelajar SMK Bangsar, Nur Aina Syuhada Rosli, 16, pula berpendapat, inisiatif TNB membawa sejumlah pelajar menyaksikan persembahan berkenaan wajar dijadikan contoh kepada organisasi lain kerana di samping menggembirakan ia mampu mendidik pelajar mengenai pelbagai perkara.

"Selain itu, apa sahaja karier yang kita pilih pada masa hadapan, pastikan ia disusuli minat agar kita seronok dan mendapat inspirasi daripadanya setiap hari," katanya yang datang dengan menaiki bas bersama 38 rakan dan dua guru pengiring.

Turut teruja ialah murid Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Pantai, Bangsar, Nicol Tay, 12, yang menyifatkan, mereka bukan sahaja mendapat inspirasi melalui persembahan pelakon dan props

pentas hebat, tetapi dapat mengensejarah serta wira sukan negara khususnya dalam bola sepak.

Ditemui selepas tamat bahagian pertama pementasan, Nicol terharu keranaberpeluang melihat perpaduan tiga kaum utama di negara ini yang salingmembantu dan memberi semangat antara satu sama lain.

Guru SK Bangsar, Jacinta George 36, berkata, pendedahan kepada bidangseni dan budaya sangat penting bagi membantu pembentukan perspektifindividu serta menajamkan kemahiran berfikir secara kreatif.

Pihaknya amat menghargai peluang diberikan kepada pelajar keranamelaluinya dapat mewujudkan rasa cinta kepada negara dan mencetus semangatmereka menerusi inspirasi daripada pelakon dan lagenda bola sepak tanahair.

Perkara itu turut dipersetujui guru Matematik dari SK Bukit Bandaraya, Mohd Hakimi Ahmad, 37, yang mengiringi 30 muridnya ke pementasanberkenaan.

>>INFO

- Program lain yang dilaksanakan TNB bersama pelajar dari sekolahkejirannya adalah Program Bantuan Pendidikan B40, Kembali Ke Sekolah, Kem Motivasi & Pembangunan Insan, Bengkel Menghadapai Pep eriks aan / Beng kel Skor A, Kem Memantapkan Solat, Program Teen Outreach, LawatanSambil Belajar ke Kolej Vokasional Slim river dan Lawatan ke PestaKejuruteraan & Sains KL 2018

(END)

Source By: Harian Metro